

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN  
MESYUARAT KE-TIGA, PENGGAL KE-DUA,  
PARLIMEN EMPAT BELAS DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN :      BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA        :      YB DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF  
(JEMPOL)**

**SOALAN**

**DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF [ JEMPOL ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan pelan tindakan bagi mengesan dan mendapatkan semula semua MyKad sah yang dimiliki oleh warga asing menerusi pengkhianat negara di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) memandang serius kes penjualan kad pengenalan MyKad kepada warga asing yang berlaku di Pulau Pinang baru-baru ini dan tidak akan melindungi mana-mana pegawai kerajaan yang terlibat dalam kes berkenaan. Kuasa penuh telah diberikan kepada Polis DiRaja Malaysia (PDRM) untuk menyiasat secara menyeluruh agar pihak yang didapati bersalah dapat didakwa. Hukuman bagi kesalahan yang disabitkan adalah bergantung kepada hasil siasatan pihak PDRM, penilaian kes oleh pihak pendakwaraya dan keputusan pihak mahkamah berlandaskan undang-undang yang berkuatkuasa.

Berdasarkan siasatan yang dijalankan di bawah:

- a. Seksyen 15(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 iaitu tinggal di Malaysia setelah pas/permit tamat atau dibatalkan;

## **SOALAN NO : 316**

- b. Seksyen 12 (1)(c) Akta Pasport iaitu menyamar atau mengaku dirinya dengan palsu;
- c. Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu; dan
- d. Seksyen 26E Akta Anti Pemerdangan Orang dan Antipenyaludupan Migran (ATIPSOM) 2007 Pindaan 2010 iaitu dokumen perjalanan atau pengenalan diri fraud,

Pihak PDRM telah menangkap 20 orang yang dipercayai terlibat dengan sindiket tersebut bersama beberapa bahan bukti bagi tujuan siasatan. Setelah siasatan lanjut melalui Op Biru dijalankan,

- a. Seorang (1) suspek yang merupakan penjawat awam telah dituduh di bawah Seksyen 26E ATIPSOM, Seksyen 466 Kanun Keseksaan dan Peraturan 25(1)(i) Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara (PPPN) 1990, manakala
- b. Lima (5) tangkapan lain merupakan ahli sindiket telah dituduh di bawah Seksyen 26E ATIPSOM.

Keenam-enam suspek berkenaan telah dituduh di Mahkamah Tinggi Georgetown, Pulau Pinang. Selain daripada itu, pihak PDRM, JPN dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) telahpun menubuhkan kerjasama untuk mengesan senarai individu yang dikeluarkan dengan kad pengenalan dengan tidak teratur terutamanya melibatkan warga asing. Memandangkan siasatan kes ini masih lagi berjalan, pihak PDRM tidak bercadang untuk mendedahkan apa-apa maklumat agar tidak menganggu PDRM dan JPN mengesan dalang dan pihak-pihak yang terlibat dalam kes ini.